

# PM tak mahu anggapan salah ke atas kaum Cina

BH 29 NOV 1985

## KUALA LUMPUR, Khamis

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, orang Cina di negara ini adalah warganegara Malaysia dan tidak boleh dianggap sebagai rakyat China seberang laut.

Perdana Menteri berkata, hubungan baik antara Malaysia dan China bukan bermakna orang

Cina negara ini mempunyai ikatan istimewa dengan negara itu.

"Saya telah menjelaskan kepada Perdana Menteri China, Encik Zhao Ziyang, bahawa negara China tidaklah harus menganggap warga negara Malaysia keturunan Cina sebagai China seberang laut.

"Mereka adalah rakyat Malaysia, tidak lebih atau kurang daripada rakyat Malaysia lain dan negara China mengiktiraf keadaan ini dan memberi perhatian serta faham dasar kita untuk memperseimbangkan kedudukan kaum dengan keutamaan kepada Bumiputera," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian dalam sidang akhbar malam ini sekembalinya dari China setelah melakukan lawatan rasmi sembilan hari.

Bellau berkata, perbezaan ideologi tidak akan menghalang hubungan antara kedua-dua negara selagi negara China tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri negara ini dan Malaysia tidak campur tangan soal dalam negeri negara itu.

Perdana Menteri berkata dalam lawatan itu, beliau tidak menumpukan perhatian kepada

soal politik kerana matlamat utama lawatannya adalah untuk membincangkan usaha meningkatkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

"Bagaimanapun, kita sedar mengenai pandangan China berhubung Parti Komunis Malaya dan saya tahu ini adalah pendirian mereka. Mereka juga sedar pendirian kita.

"Namun begitu, ini tidaklah bermakna kita telah mengubah pendirian kita. Mengenai hubungan antara parti dengan parti, ingin saya tegaskan bahawa sebahagian daripada sebab masalah ini timbul ialah kerana PKM sendiri telah menimbulkan masalah kepada kita," tegasnya.

Perdana Menteri berpendapat lawatannya itu berjaya sepenuhnya dan kedua-dua negara telah mencapai hubungan yang lebih kukuh yang boleh menjamin masa depan yang lebih baik antara Malaysia, China dan negara lain.

## Perubahan

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, memang berlaku perubahan sikap dan pendekatan di kalangan pemimpin-pe-

mimpin China kerana mereka berpendapat itu adalah penting dalam usaha meninggikan taraf hidup rakyat negara itu.

Mengenai hubungan serantau dan antara-bangsa, Perdana Menteri berkata, pemimpin China menyatakan negaranya tidak ada niat untuk menakluk atau menguasai mana-mana negara.

"Mereka memberi sokongan penuh kepada konsep bebas, aman dan berkecuali (Zopfan) yang didukung oleh Asean serta segala usaha Malaysia untuk menyelesaikan masalah Kam-puchea dan bersimpati dengan kita dalam soal Antartika," katanya.